



**Kenyataan Media  
(Untuk Siaran Segera)  
Rabu, 16 Mei 2018**

## **LATAR EDAR 7,000 PEK KURMA KEPADA PENGGUNA SEMPENA RAMADAN**

KUALA LUMPUR – Sempena ketibaan bulan Ramadan, Lebuhraya KL- Kuala Selangor (LATAR) akan mengedarkan **7,000 pek kurma** kepada para pengguna Lebuhraya LATAR sebagai simbolik untuk bersama-sama dengan pengguna bagi meraikan kedatangan bulan paling mulia dan penuh keberkatan ini.

**Pada 17 Mei 2018 iaitu bersamaan 1 Ramadan 1439 Hijrah, pek-pek kurma tersebut akan diagihkan kepada para pengguna Lebuhraya LATAR yang melalui Plaza Tol Ijok, Kuang Barat, Kuang Timur, Kundang Barat, Kundang Timur dan Taman Rimba Templer bermula jam 4.30 petang.**

“Program pemberian kurma kepada para pengguna Lebuhraya LATAR merupakan program tahunan khas LATAR bersempena menyambut bulan Ramadan. Ia juga merupakan salah satu tanda penghargaan dan program khidmat masyarakat LATAR kepada pengguna lebuhraya ini dan sekaligus memudahkan para pengguna yang terpaksa berbuka ketika masih dalam perjalanan ke destinasi masing-masing” kata En Ahmad Fuad Ahmad Shahimi, Ketua Pegawai Operasi Lebuhraya LATAR.

“Dikesempatan ini juga, kami ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak dan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua muslimin dan muslimat terutama sekali kepada pengguna Lebuhraya LATAR yang beragama Islam” tambah beliau lagi.

### **Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR)**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor (013-2660207) / Hairunnisa Kastolany (012-6881587).

---

###